

# PERADUAN CARNATION® RAHSIA GOURMET ANDA

Dengan menyertai Peraduan CARNATION® Rahsia Gourmet Anda (“Peraduan”), saya (“Peserta”) mengakui telah membaca dan bersetuju untuk menerima Terma dan Syarat yang tersenarai seperti berikut:-

## TERMA DAN SYARAT

1. Peraduan ini terbuka kepada warganegara Malaysia yang berumur 18 tahun dan ke atas (pada Disember 2021), kecuali kakitangan F&N Beverages Marketing Sdn. Bhd. (Co. No. 004594-A) (“Penganjur”) dan ahli keluarga terdekatnya, syarikat sekutunya, rakan kongsi perniagaan, pembekal/pengedar, agensi promosi/pengiklanan/perhubungan awam dan pihak lain yang terlibat dalam Peraduan ini.
2. Peraduan ini berlangsung dari 13 Disember 2021 00:00jam sehingga 15 Februari 2022 11:59jam (“Tempoh Peraduan”). Penganjur berhak untuk meminda, melanjutkan atau menamatkan Tempoh Peraduan pada bila-bila masa tanpa memberikan notis terlebih dahulu.

## KRITERIA KELAYAKAN

Beli minima RM5-00 (Ringgit Malaysia Lima) untuk produk turut serta\* di dalam satu resit tunggal (“Bukti Pembelian”) akan mendapat minima satu (1) penyertaan yang layak (“Penyertaan Layak”) dan akan diberikan satu (1) nombor siri peraduan.

<b>Produk turut serta*</b>	<b>Bilangan penyertaan</b>
CARNATION® Krimer Sejat 390g	3 penyertaan
CARNATION® Krimer Manis 500g	3 penyertaan
CAP JUNJUNG® Krimer Manis 388g	2 penyertaan
CAP JUNJUNG® Susu Pekat 500g	2 penyertaan
IDEAL® Susu Sejat Penuh Krim 390g	2 penyertaan
F&N Krimer Manis Kalsium Tinggi 500g	1 penyertaan
F&N Krimer Manis Bervitamin 500g	1 penyertaan
F&N Krimer Sejat 390g	1 penyertaan
F&N Susu Isian Sejat 390g	1 penyertaan

*Contoh: Frankie membeli 10 tin CARNATION® Krimer Sejat 390g dan 5 tin IDEAL® Susu Sejat Penuh Krim 390g, dia layak untuk menerima 40 penyertaan.*

## KAEDAH PENYERTAAN

1. Untuk menyertai Peraduan ini, setiap Peserta yang layak perlu melakukan perkara-perkara yang berikut semasa Tempoh Peraduan:
  - a) Beli minima RM5-00 untuk produk yang turut serta\* di dalam satu resit tunggal (“Bukti Pembelian”)
  - b) Jawab soalan mudah: **Hadiah Utama untuk peraduan CARNATION® ialah iNNOCHEF “Touch Kitchen Robot”. Betul atau Salah?**
2. WhatsApp gambar resit yang jelas ke 012-649 3373 dengan butiran berikut:  
CARNATION, Nama, NRIC, Jawapan

Example: CARNATION, Frankie Ng, 900701104039, Betul

Simpan resit asal untuk tujuan pengesahan sekiranya anda dipilih sebagai pemenang.

3. Penyertaan yang dihantar melalui WhatsApp sebelum 13 Disember 2021 00:00jam dan selepas 15 Februari 2022 11:59jam akan dibatalkan secara automatik. Penyertaan yang dihantar melalui aplikasi pesanan teks selain WhatsApp tidak akan dilayan.
4. Peserta boleh menghantar seberapa banyak penyertaan asalkan setiap penyertaan dihantar dengan resit yang diperlukan sebagai Bukti Pembelian. Bukti penghantaran melalui WhatsApp tidak akan dianggap sebagai Bukti Pembelian.

### **HADIAH PERADUAN**

1. Hadiah Utama x lima (5) pemenang: Satu (1) iNNOCHEF “Touch Kitchen Robot”/pemenang
2. Hadiah Bonus x tiga puluh lima (35) pemenang: Satu (1) Morphy Richards – “Multifunction Cooking Pot”/pemenang
3. Hadiah Mingguan x tiga puluh (30) pemenang x 9 minggu: Kod Reload Pin TNG e-Wallet bernilai RM50/pemenang
4. Penganjur berhak untuk menentukan model and warna untuk Hadiah Utama dan Hadiah Bonus. Perhubungan untuk mana-mana/atau semua jaminan produk untuk hadiah hendaklah dihantar terus ke pengeluar yang berkenaan dan pengembalian sebarang hadiah oleh pemenang atas alasan apa-apa pun tidak akan dilayan.
5. Sila rujuk <https://www.tngdigital.com.my/help/how-it-works> untuk cara penebusan Hadiah Mingguan dan pemenang adalah dianggap terikat dengan terma dan syarat oleh <https://www.tngdigital.com.my/>
6. Semua hadiah adalah terikat kepada syarat-syarat seperti yang dinyatakan dalam surat pengesahan/perjanjian hadiah/baucar hadiah dan mesti dituntut di dalam jangka waktu yang ditentukan, jika tidak, hadiah yang tidak dituntut akan dilucutkan. Sekiranya hadiah tidak dapat disediakan atas sebarang alasan, Penganjur berhak, mengikut budi bicara mutlaknya, untuk memberikan hadiah alternatif tanpa pemberitahuan terlebih dahulu. Hadiah tidak dapat ditukarkan dengan wang tunai, tidak dapat dipindah milik dan hanya akan diberikan kepada pemenang yang dapat memenuhi semua syarat seperti yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat.

### **PEMILIHAN PEMENANG**

1. Semua penyertaan yang layak akan melalui satu pemilihan rawak janaan komputer untuk memilih tiga puluh (30) finalis Hadiah Mingguan untuk setiap tempoh mingguan dalam jadual yang dinyatakan di bawah:

Minggu	Tempoh	Tarikh pemilihan
1	13 Disember 2021, 00:00jam - 19 Disember 2021, 23:59jam	23 Disember 2021
2	20 Disember 2021, 00:00jam - 26 Disember 2021, 23:59jam	30 Disember 2021
3	27 Disember 2021, 00:00jam – 2 Januari 2022, 23:59jam	6 Januari 2022
4	3 Januari 2022, 00:00jam – 9 Januari 2022, 23:59jam	13 Januari 2022
5	10 Januari 2022, 00:00jam - 16 Januari 2022, 23:59jam	20 Januari 2022
6	17 Januari 2022, 00:00jam - 23 Januari 2022, 23:59jam	27 Januari 2022
7	24 Januari 2022, 00:00jam – 30 Januari 2022, 23:59jam	4 Februari 2022
8	31 Januari 2022, 00:00jam – 6 Februari 2022, 23:59jam	10 Februari 2022

9	7 Februari 2022, 00:00jam - 15 Februari 2022, 23:59jam	24 Februari 2022
---	--	------------------

2. Sekiranya Peserta tidak memenangi Hadiah Mingguan pada minggu tersebut, penyertaan Peserta akan dibawa secara automatik untuk proses pemilihan minggu seterusnya.
3. Semua penyertaan yang layak akan melalui proses pemilihan rawak janaan computer untuk menyenarai pendek lima (5) finalis Hadiah Utama dan tiga puluh lima (35) finalis Hadiah Bonus pada proses pemilihan Minggu 9.
4. Keputusan pemilihan adalah muktamad dan surat-menyurat tidak akan dilayan.
5. Peserta boleh memenangi maksimum satu (1) Hadiah Utama **ATAU** satu (1) Hadiah Bonus **DAN** satu (1) Hadiah Mingguan dalam Peraduan ini.
6. Penganjur akan menghubungi finalis Hadiah Utama, Bonus dan Mingguan melalui panggilan telefon dan/atau WhatsApp dengan berdasarkan maklumat yang dibekalkan semasa memasuki Peraduan dengan usaha terbaik dengan maksimum tiga (3) percubaan panggilan. Sekiranya Finalis tidak dapat dihubungi, Penganjur berhak untuk mengganti finalis dengan nama seterusnya dalam senarai masing-masing.
7. Finalis Hadiah Utama, Hadiah Bonus dan/atau Hadiah Mingguan yang berjaya dihubungi akan diminta untuk menghantar fotokopi kad pengenalan, alamat surat-menyurat dan resit asal untuk tujuan pengesahan ke **Peraduan CARNATION® Rahsia Gourmet Anda, No 15, Block B, Lot 756, Jalan Subang 3, 47610 Subang Jaya, Selangor.**
8. Senarai pemenang untuk Peraduan ini akan diumumkan melalui <https://www.fn.com.my/promotions-contests/>
9. Penganjur berhak untuk memutuskan, mengubah atau melanjutkan tarikh pemilihan atau pengumuman pemenang pada bila-bila masa tanpa notis terlebih dahulu.
10. Sekiranya pemenang-pemenang dikehendaki menghadiri majlis penyampaian hadiah dan/atau mengambil bahagian dalam program-program publisiti (jika berkenaan) yang akan diadakan oleh Penganjur dari semasa ke semasa, segala perbelanjaan untuk menghadiri majlis tersebut adalah atas tanggungan pemenang sendiri. Penganjur akan memberi notis sekurang-kurangnya satu (1) minggu sebelum anjuran majlis tersebut.
11. Penganjur berhak untuk membatalkan kelayakan penyertaan dan/atau individu berikut tanpa memberikan sebarang bukti atau penjelasan kepada Peserta: - Mana-mana penyertaan yang disyaki bersindiket; pemerolehan resit (Bukti Pembelian) secara haram; Dan penyertaan yang boleh dipertikaikan dan dipersoalkan oleh Penganjur.
12. Walau bagaimanapun, Penganjur berhak untuk menentukan cara penghantaran hadiah kepada pemenang. Penganjur akan menghantar hadiah mengikut alamat yang diberikan oleh Peserta melalui WhatsApp. Pemenang bertanggungjawab atas pemberian alamat yang betul, sah dan lengkap. Penganjur tidak akan bertanggungjawab atas sebarang hadiah yang tidak diterima. Penganjur tidak bertanggungjawab terhadap kecacatan, kehilangan, kerosakan atau kecurian yang berlaku semasa proses penghantaran hadiah ke alamat yang diberikan. Semua perbelanjaan luar poket, perbelanjaan wang, makanan, perbelanjaan penginapan, cukai, insurans perjalanan dan semua kos dan perbelanjaan sampingan lain yang ditanggung untuk menebus, mengambil dan menggunakan hadiah adalah tanggungjawab penuh dan akan ditanggung oleh pemenang.

#### **LAIN-LAIN**

1. Semua penyertaan melalui WhatsApp dan Bukti Pembelian yang dikemukakan untuk menyertai Peraduan ini akan menjadi hak milik Penganjur.

2. Dengan menyertai Peraduan ini dan penerimaan hadiah, Peserta bersetuju dan memberi kebenaran kepada Penganjur untuk menggunakan nama, alamat, gambar, butiran peribadi, dokumen, dan maklumat tanpa sebarang bayaran royalti dan/atau bayaran pampasan untuk tujuan pengiklanan dan semua bentuk publisiti yang lain, termasuk, tanpa had kepada sebarang rakaman berkaitan dengan Peraduan ini dari semasa ke
3. Penganjur berhak memindahkan butiran peribadi yang diberikan dalam Peraduan ini (termasuk tetapi tanpa had untuk, nama, alamat, nombor telefon, nombor kad pengenalan) kepada agensi terlantik bagi segala tujuan pengurusan Peraduan ini dan perhubungan dengan Peserta. Penganjur akan berusaha sedaya upaya untuk memastikan segala butiran peribadi adalah sulit dan dilindungi daripada penyalahgunaan.
4. Penganjur dan kesemua pihak lain yang terlibat dalam Peraduan ini, termasuk agensi yang dilantik, pengarah, pegawai dan ejen mereka tidak bertanggungjawab dalam apa-apa cara sekalipun, termasuk sebarang tindakan, kesulitan, kejadian atau gangguan yang berlaku akibat daripada dan tidak terhad kepada:- Serangan virus komputer dan lain-lain; Kejadian di luar kawalan Penganjur secara langsung atau tidak seperti kebakaran, banjir, kerusuhan dan lain-lain; Campur tangan oleh pihak yang tidak berkenaan semasa Peraduan ini; Kesilapan elektronik atau manusia dalam pentadbiran Peraduan dan pemprosesan penyertaan; Dan sebarang penyertaan yang hilang, dicuri, rosak, salah dihantar atau tidak diterima.
5. Semua Peserta bertanggungjawab sepenuhnya atas sebarang kecederaan, kerosakan atau tuntutan yang disebabkan, secara langsung atau tidak oleh penyertaan mereka dalam Peraduan ini dan juga daripada penebusan atau penggunaan hadiah. Peserta adalah atas tanggungan sendirinya untuk sebarang cukai, insurans, atau perbelanjaan yang mungkin dikenakan disebabkan oleh penyertaan dalam Peraduan ini atau memenangi hadiah berkenaan. Dengan menerima atau menggunakan mana-mana hadiah, Peserta bersetuju untuk melepaskan tanggungan Penganjur, semua rakan niaganya dan pihak lain yang berkaitan dengan Peraduan ini, termasuk pengarah, pegawai, kakitangan dan ejen mereka daripada mana-mana tuntutan, pendakwaan, penghakiman, kerosakan, kerugian atau liabiliti yang ditanggung, berkaitan dengan penyertaannya dalam Peraduan ini dan penerimaan, penebusan atau penggunaan mana-mana hadiah.
6. Penganjur tidak bertanggungjawab dan adalah bebas daripada sebarang liabiliti berkenaan dengan kesulitan, kualiti, ketepatan penggunaan, dan/atau keaslian maklumat hadiah Peraduan ini dalam paparan media massa, bahan pemasaran atau pengiklanan. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, Penganjur tidak membuat perwakilan dan/atau jaminan berhubung dengan mana-mana hadiah yang disediakan di bawah Peraduan ini. Secara khususnya, Penganjur tidak memberi jaminan berhubung dengan kebolehdampingan, kualiti hadiah atau kesesuaiannya untuk sebarang tujuan.
7. Penganjur boleh atas budi bicaranya, menambah, menggugurkan, mengubahsuai atau meminda apa-apa Terma dan Syarat, kaedah Peraduan, hadiah-hadiah yang telah ditetapkan sini atau apa jua yang berkenaan dengan Peraduan ini tanpa notis terlebih dahulu dan Peserta adalah terikat dengan pembaharuan tersebut. Segala pampasan atau tuntutan kerugian, kerosakan dan kesulitan yang berlaku kepada Peserta (sama ada dalam wang tunai atau bentuk lain) disebabkan oleh pemindaan, pembatalan, penamatan atau penggantungan secara langsung atau tidak, sepertimana yang disebut di atas tidak akan dilayani.
8. Sekiranya berlaku percanggahan, konflik, ketidakpastian dalam Terma dan Syarat Peraduan ini, Penganjur akan membuat penilaian atas budi bicaranya secara mutlak dan segala keputusan oleh Penganjur adalah muktamad.
9. Peserta memahami bahawa dia mempunyai hak untuk mengakses, membetul atau menarik balik persetujuan untuk mendedahkan maklumat peribadinya yang dipegang oleh Penganjur. Permintaan tersebut boleh dibuat melalui e-mel di <https://www.fn.com.my/contact-us/> atau pos ke Khidmat Pelanggan F&N Beverages Marketing

Sdn. Bhd., No.1, Jalan Bukit Belimbing 26/38, Persiaran Kuala Selangor, Seksyen 26, 40400 Shah Alam, Selangor D.E., Malaysia. Penganjur menghormati keperibadian individu sehubungan dengan data peribadi yang diberikan oleh Peserta untuk Peraduan ini. Peserta boleh merujuk kepada [www.fn.com.my](http://www.fn.com.my) untuk Notis Penuh di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010.

10. Terma dan Syarat Peraduan ini terdapat dalam versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia. Sekiranya terdapat percanggahan antara mana-mana versi Terma dan Syarat, Bahasa Inggeris akan dijadikan rujukan.

### **NOTIS AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2010**

Notis data peribadi ini ("Notis") bertujuan untuk memaklumkan anda bahawa data peribadi anda akan diproses oleh atau bagi pihak F&N Beverages Marketing Sdn. Bhd ("F&N" atau "kami" atau "kita").

Seterusnya, dengan penyertaan melalui kaedah penyertaan untuk Peraduan ini - WhatsApp, anda bersetuju untuk memberi kebenaran untuk memproses data peribadi anda oleh F&N dan agensi terlantik, pembekal dan/atau agensi yang berkenaan untuk mengumpul, mengguna dan mendedah data peribadi anda untuk tujuan kaji selidik dan/atau sebarang tujuan pemasaran untuk acara yang akan datang dan tujuan lain yang berkenaan seperti yang dinyatakan dalam Notis ini.

F&N akan memproses data peribadi anda, termasuk maklumat tambahan yang diminta kemudian oleh kami, untuk tujuan perhubungan (jika berkenaan) dan Peraduan ini.

Data peribadi yang diberi mungkin akan didedahkan kepada pembekal perkhidmatan untuk tujuan yang ternyata diatas. Pembekal perkhidmatan termasuk pihak anjuran, urusan atau operasi yang diberikan kuasa untuk Peraduan ini. Anda bertanggungjawab untuk memastikan data peribadi anda yang diberikan kepada kami adalah dikemaskini, tepat, lengkap dan tidak mengelirukan.